

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6 June 2015

Najib komited untuk berdialog

11m - 6/6/2015

KUALA LUMPUR 5 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau sentiasa bersedia dan komited untuk berjumpa atau berdialog dengan pertubuhan bukem kerajaan (NGO) bagi membincangkan isu negara mahu pun masyarakat.

Perdana Menteri bagaimanapun menegaskan, perjumpaan serta sesi dialog yang hendak dilakukan mestilah berjalan dalam suasana tenang dan baik agar perbincangan tersebut membawa faedah kepada semua pihak.

"Jika kita ikhlas dan bersikap terbuka, perbincangan dan dialog boleh membawa kebaikan bersama" katanya menerusi blog *najibrazak.com* selepas beliau dinasihatkan tidak hadir pada program

dialog Perdana Menteri bersama NGO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Nasihat itu dibuat Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar atas faktor keselamatan selepas program dialog yang sepatutnya memberi ruang kepada Perdana Menteri untuk menjawab segala isu semasa termasuk Malaysia Development Berhad (IMDB)

Bagaimanapun program yang turut dihadiri bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad itu bertukar menjadi kecoh sehingga ada individu ditangkap pihak berkuasa sebelum pengumuman pembatalan dibuat pada pukul 10.30 pagi.

Terdahulu, Pejabat Perdana Menteri, dalam kenyataan me-

^maklumkan Najib tidak hadir ke program tersebut selepas akur dengan nasihat Khalid setelah pihak berkuasa mengambil kira faktor keselamatan.

Kenyataan sama menjelaskan, Pejabat Perdana Menteri diberitahu oleh pihak penganjur, Sukarelawan Peguam (Sukaguam) bahawa majlis bertemakan 'Nothing To Hide' tersebut terpaksa dibatalkan selepas mendapat arahan Khalid.

"Hal demikian disebabkan pertimbangan isu keselamatan di lokasi. Berikutan arahan dan nasihat Ketua Polis Negara, Perdana Menteri tidak dapat menghadiri program ini," jelas Pejabat Perdana Menteri menerusi laman Facebook sebagaimana dipetik.